

70
KUALA LUMPUR 11 April — Tan Sri Ghazali

Shafie dan Dr. Mahathir Mohamad di-duga akan bertanding bagi merebut jawatan Naib Presiden UMNO Malaysia di-perhimpunan agong UMNO bulan Jun ini.

Tan Sri Ghazali yang baru saja menang dalam pilihanraya kecil kawasan Lipis dan Dr. Mahathir yang baru kembali menjadi ahli UMNO di-fahamkan telah pun di-chalunkan oleh beberapa bahagian UMNO untuk jawatan tersebut.

Jawatan Naib Presiden UMNO sekarang di-sandang oleh Enche' Abdul Ghafar Baba, Tan Sri Sardon Jubir, dan Tan Sri Syed Nassir Ismail.

Dato' Harun Idris dan Tan Sri Fatimah Hashim juga menyandang jawatan yang sama sa-chara otomatis kerana masing2 ada-lah Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO.

Beberapa orang muka baru juga di-jangka akan turut bertanding untuk duduk dalam Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia.

Di-antara-nya termasuklah Tengku Razaleigh Hamzah yang di-katakan mendapat sokongan kuat dari keseluruhan bahagian2 UMNO di-Kelantan.

Pasti

Bagaimana pun Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail yang sekarang menjadi Presiden dan Timbalan Presiden UMNO adalah pasti akan merang lampau bertanding.

Pertandingan juga tidak akan berlaku dalam pemilihan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda yang sekarang ini di-pegang oleh Dato' Harun Idris dan Timbalan Ketua-nya, Enche' Musa Hitam.

Tetapi sa-balek-nya satu pertentangan hebat akan berlaku bagi merebut jawatan Ketua Pergerakan Wanita yang sekarang ini di-pegang oleh Tan Sri Fatimah Hashim.

Bellau yang di-perchaya akan bertanding merebut jawatan itu akan ditentang oleh Senator Aishah Ghani yang sa-takat ini telah pun di-chalunkan oleh dua buah bahagian UMNO di-Selangor.

Senator Aishah yang telah menarek diri dari penchalunan dalam perhimpunan agong tahun lalu memberitahu Utusan Malaysia hari ini bahawa beliau TETAP akan bertanding tahun ini.

"Saya terpaksa bertanding kerana saya telah berjanji di-perhimpunan agong tahun lalu yang saya tidak akan mengechewakan bahagian2 yang menchalunkan saya tahun ini," kata-nya.

Beberapa orang muka baru juga di-jangka akan lahir dalam Jawatankuasa Tertinggi Pergerakan Wanita UMNO tahun ini.

Mereka termasuklah Che' Marina Yusoff, Pensehat Undang2 Bank Bumiputra di-samping beberapa orang intelektual lain seperti Che' Rafidah Aziz, Pensehara Ekonomi Universiti Malaya dan Dr. Asmah Omar, Pensehara Kanan Universiti Malaya.

Sementara itu Majlis Kerja Tertinggi UMNO akan bersidang pada hari Sabtu ini dengan di-pengerusikan sendiri oleh Tun Razak untuk membincangkan persiapan2 untuk perhimpunan agong itu di-samping mengkaji keputusan pilihanraya kecil di-Lipis baru2 ini.

Perhimpunan itu kelak akan di-adakan di-Hilton Hotel manakala sidang Pergerakan Pemuda dan Wanita akan di-adakan di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini.